

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN V SIVAKUMAR [BATU GAJAH]
TARIKH : 16 MEI 2016
SOALAN :

YB Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah dan kadar pertumbuhan kes-kes diabetes di negara kita. Adakah benar negara kita mendahului negara-negara ASEAN dalam penyakit ini. Jika ya, apakah kaedah yang dirancang untuk menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Penyakit Diabetes merupakan penyakit kronik yang berlaku apabila organ pankreas tidak lagi menghasilkan insulin atau badan tidak boleh menggunakan insulin dengan berkesan. Penyakit diabetes adalah disebabkan oleh pelbagai faktor risiko termasuklah pemakanan yang tidak sihat, hidup yang tidak aktif dan sejarah ahli keluarga yang menghidap penyakit diabetes.

Menurut Kajian Morbiditi dan Kesihatan Malaysia (NHMS) yang diadakan setiap lima (5) tahun sekali. Pada tahun 1996, prevalens Diabetes di Malaysia adalah sebanyak 8.3% dan terdapat peningkatan

sebanyak dua (2) kali ganda pada tahun 2015 iaitu sebanyak 17.5%. Menurut survei NHMS pada tahun 2015, seramai 3.5 juta rakyat Malaysia menghidapi Diabetes. Daripada jumlah ini, 1.6 juta merupakan pesakit Diabetes dan 1.8 juta lagi adalah mereka yang baru dikesan mempunyai penyakit Diabetes semasa survei dijalankan. Ini bermakna, setiap pesakit Diabetes yang dikesan, terdapat seorang lagi pesakit Diabetes yang belum dikesan.

Laporan daripada *Global Status Report on NCDs 2014* yang diterbitkan oleh WHO, Malaysia merupakan negara yang mempunyai peratus prevalens diabetes dewasa berumur 18 tahun ke atas yang tertinggi berbanding negara-negara Asean yang lain iaitu sebanyak 11.1% berbanding dengan Thailand (9.7%), Indonesia (8.7%), Singapura (8.5%), Filipina (7.3%) dan Myanmar (7.1%).

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius tentang keadaan ini dan langkah pencegahan yang berkesan dan berimpak tinggi telah digariskan. Pelan Strategik Kebangsaan bagi Penyakit Tidak Berjangkit (NSP-NCD) telah diluluskan oleh Kabinet pada tahun 2010. Pelan ini menyediakan rangkakerja untuk mengukuhkan program Pencegahan dan Pengawalan NCD di Malaysia di mana diabetes dan obesiti sebagai permulaan untuk tindakan (*entry point*).

Berdasarkan situasi diabetes semasa, Program Pencegahan dan Kawalan Diabetes (NCD) akan memfokuskan tiga (3) skop utama, iaitu :

- i. Menggalakkan kehidupan yang lebih sihat dalam kalangan rakyat Malaysia dengan mengurangkan faktor risiko NCD, termasuk diabetes;
- ii. Meningkatkan aktiviti saringan untuk mengesan kes-kes diabetes yang belum dikesan; dan
- iii. Mengukuhkan kualiti pengurusan pesakit diabetes di fasiliti kesihatan ke arah penjagaan secara individu (*personalized care*).

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga sangat prihatin terhadap peningkatan prevalens obesiti, dan amalan pemakanan yang tidak baik di kalangan rakyat Malaysia. Sehubungan itu, beberapa pelan tindakan jangka panjang telah dibentuk bagi menangani masalah ini. Ianya termasuklah Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit (2015-2020), Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia III (*National Plan of Action for Nutrition Malaysia, NPANM III*) (2016-2025), Pelan Strategi Aktiviti Fizikal Kebangsaan (2016-2025) dan *Policy Options* untuk Menangani Masalah Obesiti di Malaysia.

Kolaborasi yang aktif dan kerjasama daripada kementerian-kementerian yang lain, pertubuhan bukan kerajaan (NGO's), pertubuhan profesional dan masyarakat adalah penting bagi mencapai sasaran tiada peningkatan dalam prevalen diabetes dan obesiti dan seterusnya penurunan beban penyakit NCD global menjelang tahun 2025.